

Jabatan. Perkhidmatan
Awam,
Malaysia,
Tingkat 9-14 bangunan
UMBC.,
Jalan Sulaiman ,
Kuala Lumpur.

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 15 TAHUN 1974

Tuan,

**Pembayaran Bonus bagi pekerja-pekerja
dalam Perkhidmatan Awam serta pekerja-
pekerja dalam Badan-badan Berkanun dan
Kuasa-kuasa Tempatan**

Adalah saya diarah merujuk kepada [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 29 Tahun 1974](#) yang telah meluluskan pembayaran Bonus bagi pekerja-pekerja Kerajaan dan kepada [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 14 Tahun 1974](#) yang telah memanjangkan pembayaran Bonus tersebut kepada pekerja-pekerja Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan. Di antara keputusan yang diambil terhadap pembayaran ini ialah bahawa pekerja-pekerja yang belum menerima gaji bersih, Pembayaran Bonus hendaklah dikira berdasarkan kepada gaji Pokok dan Elaun Sara Hidup (COLA)

2. Kerajaan telah menimbangkan semula masalah ini dan telah mengambil keputusan bahawa bagi pekerja-pekerja Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan yang belum lagi menerima tanggagaji bersih perkiraan Bonus hendaklah didasarkan kepada Gaji, Elaun Sara Hidup (COLA) dan Elaun Rumah. Dalam hal pekerja-pekerja Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan yang menerima Sewa Ekonomi maka unsur perumahan yang diambil kira hendaklah didasarkan kepada had maksima Elaun Rumah yang dibayar dalam Badan-badan Berkanun dan Kuasa-Kuasa Tempatan yang berkenaan.

Saya yang menurut perintah,

(S. VELOO)

Bahagian Gaji,

b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan

Awam,
Malaysia.

Semua Ketua-ketua Setiusaha
Kementerian

Semua Ketua-ketua Jabatan

Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

s.k. Akauntan Negara, Malaysia, Kuala
Lumpur.

s.k. Semua Badan-badan Berkanun dan Kuasa-Kuasa Tempatan.